



Sorotan karya bersistematik terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia bagi mengatasi kesunyian

Muhamad Faisal Ashaari, Nurul Aini Norhisham, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence: Muhamad Faisal Ashaari (email: faisal@ukm.edu.my)

Received: 28 August 2020; Accepted: 11 May 2021; Published: 29 May 2021

Abstrak

Kedatangan media sosial telah menjadikan hubungan antara manusia semakin kerap berlaku termasuk dalam kalangan warga emas. Kajian mendapat penggunaan media sosial dengan cara yang aktif di samping penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan boleh mengurangkan perasaan kesunyian dalam kalangan warga emas. Di Malaysia, walau pun penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas semakin memberangsangkan, tidak ramai yang mengetahui bagaimana mereka mengatasi kesunyian dengan menggunakan media sosial. Justeru, artikel ini memilih sorotan karya bersistematik sebagai satu metodologi untuk menjalankan penyelidikan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas dan penggunaan media sosial dalam membina hubungan. Kajian ini dijalankan secara sistematis melalui Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA). Kajian ini menggunakan empat proses dalam PRISMA bagi meneroka sorotan karya iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman. Hasil kajian menunjukkan warga emas kerap menggunakan Facebook dan WhatsApp berbanding jenis media sosial lain. Tujuan warga emas menggunakan media sosial adalah untuk membina hubungan maya dengan ahli keluarga dan rakan. Mereka juga menggunakan media sosial untuk meningkatkan kualiti hidup dan mengatasi perasaan kesunyian. Untuk kajian lanjutan, artikel ini mencadangkan tiga bidang kajian bagi mengatasi perasaan kesunyian dalam kalangan warga emas iaitu bimbingan penggunaan media sosial yang berkesan, penggunaan media sosial sebagai sokongan sosial bagi mengatasi kesunyian dan ceramah agama online bagi mengisi masa yang terluang.

Kata kunci: Kebimbangan, kesunyian, Malaysia, media sosial, media baharu, warga emas

A systematic literature review on the use of social media to curb loneliness among the elderly in Malaysia

Abstract

The emergence of social media makes the relationships among human beings, including elderly happen more often. The studies find that the use of social media with active and involving in social activity as well can reduce the feeling of loneliness among elderly. In Malaysia, even though the use of social media among the elderly are encouraged, little is known about how they curb loneliness using social media. Thus, this paper chooses a systematic literature review as a methodology for conducting the research. This study aims to analyse the pattern of the use of social media among the elderly, and the use of social media in building relationships. The study was conducted systematically through Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyse (PRISMA). The study uses four processes in PRISMA to explore the literature review, namely; identification, screening, eligibility, and inclusion. The results of the study showed that the elderly often used Facebook and WhatsApp compared to other types of social media. The aim of the elderly using social media was to build virtual relationships with family members and friends. They also used social media to increase their quality of life and to curb the feelings of loneliness. For further research, this paper suggests three areas of study to address the feelings of loneliness among elderly, namely: guidance for effective use of social media, the use of social media as social support to curb loneliness, and online religious talks to spend the leisure time.

Keywords: Anxiety, loneliness, Malaysia, social media, new media, senior citizen.

Pendahuluan

Bilangan penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas pada tahun 2020 berjumlah 3.5 juta iaitu 10.7% dari jumlah penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Jumlah ini akan meningkat dari masa ke semasa dan Malaysia dijangka akan mencapai status negara “orang tua” pada 2035 apabila 15% daripada penduduknya berumur 60 tahun ke atas. Peningkatan usia mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah psikologi seperti kesunyian (loneliness), kemurungan (depression) dan kebimbangan (anxiety) (Noor Izzati et al., 2019; Siti Marziah et al., 2013; Amran et al., 2013). Berdasarkan kepada kajian lepas, masalah psikologi dalam kalangan warga emas di negara ini agak membimbangkan. Seramai 35% mereka berdepan dengan kemurungan (Maideen et al., 2014) dan 34.1% mereka mengalami masalah loneliness (Nik Norliati & Suriati, 2016). Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula mendedahkan bahawa 29% orang dewasa di Malaysia mengalami masalah mental. Manakala, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) (2014) melaporkan 23%, iaitu 538,000 daripada 2.4 juta warga emas di Malaysia pada 2010 berdepan dengan sindrom ‘empty nest’ iaitu masalah psikologi seperti kemurungan dan kesedihan yang dialami oleh warga emas akibat daripada kehidupan warga emas yang berjauhan dengan ahli keluarga.

Media sosial merupakan salah satu cara yang boleh digunakan sebagai sokongan sosial untuk warga emas. Kajian mendapati bahawa penggunaan Internet dapat menurunkan kadar kesunyian dalam kalangan warga emas (Yu et al., 2020; Chopik, 2016). Media sosial perlu

diangkat sebagai salah satu medium yang penting untuk mengukuhkan emosi mereka sejajar dengan penggunaan media sosial yang semakin dalam kalangan mereka. Menurut laporan MCMC pada tahun 2018, penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas yang berusia 60 tahun sebanyak 3.9 jam sehari iaitu separuh dari purata penggunaan belia sekitar 8 jam sehari. Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di seluruh dunia dari masa ke semasa (Nef et al., 2013; Hunsaker & Hargittai, 2018). Dalam pada itu, kajian menunjukkan peratusan penggunaannya semakin menurun apabila usia semakin meningkat (Galperin & Viecens, 2017; Friemel, 2016; Gonzalez et al., 2012) disebabkan faktor fizikal, kesihatan yang merosot dan usia yang sudah lanjut.

Sungguhpun penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia memberangsangkan, tidak ramai yang mengetahui bagaimana mereka mengatasi kesunyian dengan menggunakan media sosial. Hal ini berbeza dengan sesetengah negara luar seperti di Sweden, China (Litwin & Stoeckel, 2015) dan Amerika (Yu et al., 2016) yang banyak mengkaji penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas. Oleh itu, artikel ini memilih sorotan karya bersistematis sebagai satu metodologi untuk menjalankan penyelidikan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas dan penggunaan media sosial dalam membina hubungan. Hasil kajian ini diandaikan dapat mengangkat media sosial sebagai medium sokongan bagi mengatasi kesunyian dalam kalangan warga emas.

Metodologi

Kajian ini memilih Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) yang diperkenalkan oleh Moher et al. (2009) bagi meneroka sorotan karya berkaitan penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas bagi mengatasi perasaan kesunyian. PRIMA adalah satu kaedah dan garis panduan bagi menjalankan sorotan karya secara sistematis bagi menghasilkan kualiti kajian yang baik dan tepat. Ia mengandungi empat proses iaitu pengenalpastian, saringan, kelayakan dan rangkuman. Artikel yang menjadi sumber untuk sorotan bersistematis ini diambil dari pangkalan data Scopus dan Web of Science (WOS). Kedua-dua sumber ini merupakan pangkalan data komprehensif yang memuatkan artikel ilmiah dalam pelbagai bidang termasuklah kajian media baharu dan gerontologi (Martin-Martin et al., 2018; Gusenbauer dan Haddaway, 2019). Ia juga mengawal kualiti penerbitan dengan hanya mengindeks penerbit yang memenuhi piawaian yang ditetapkan. Setakat ini kedua pangkalan data itu telah mengindeks lebih dari 5000 penerbit. Selain itu, pangkalan data Google Scholar juga turut digunakan sebagai sumber artikel tambahan. Menurut Haddaway et al. (2015), biarpun Google Scholar turut menempatkan artikel yang berstatus kelabu (grey literature) tetapi ia boleh dijadikan sebagai sumber tambahan untuk melengkapkan lagi dapatan yang sedia ada. Younger (2010) mencadangkan supaya para pengkaji menjalankan proses carian mereka menggunakan pangkalan data lain bagi meningkatkan kemungkinan untuk mendapat artikel yang berkaitan. Gusenbauer (2019) merumuskan bahawa Google Scholar memiliki 389 juta artikel dalam pangkalan datanya manakala Orduna-Malea et al. (2017) pula menyimpulkan terdapat 165 juta artikel jurnal. Ia menjadikan sorotan itu meliputi pelbagai sudut terutamanya apabila dapatan carian pangkalan data utama sangat terhad.

Pengenalpastian

Pengenalpastian ialah proses mencari sinonim, terma yang sesuai dan istilah yang berkaitan. Di peringkat ini, kata kunci yang relevan dengan fokus kajian telah dikenalpasti berdasarkan kepada persoalan kajian seperti yang dicadangkan oleh Okoli (2015). Kata kunci yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu, medium penggunaan, subjek kajian, permasalahan dan tempat seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kata kunci dan dapatan.

| Bil | Pangkalan data | Kata kunci | |
|-----|----------------|---|-------|
| 1 | WOS | TS=(("Social Media" OR "New Media" OR "Facebook" OR "Internet") AND ("use" OR "usage") AND ("Baby Boomers" OR "Older Adults" OR "senior citizen" OR "elderly" OR "ageing") AND ("Malaysia")) | 20 |
| 2 | Scopus | TITLE-ABS-KEY (("Social Media" OR "New Media" OR "Facebook" OR "Internet") AND ("use" OR "usage") AND ("Baby Boomers" OR "Older Adults" OR "senior citizen" OR "elderly" OR "ageing") AND ("Malaysia")) | 2,702 |
| 3 | Google Scholar | ("social media" OR "new media") AND ("elderly" OR "Senior citizen" OR ageing) AND ("Malaysia"). | 7,830 |

Proses carian di WOS dan SCOPUS dilakukan menerusi siri carian (search string) menggunakan kata kunci seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Manakala, untuk *Google Scholar* pula menggunakan enjin carian biasa mengikut fungsi carian frasa dan *Boolean operator* (*OR*, *AND*). Hasil carian dalam pangkalan data WOS telah menemui 20 dapatan carian. Manakala carian di Scopus pula telah menemui 2,702 dapatan. Semua dapatan dari tiga pangkalan data ini meliputi artikel kajian, ulasan kajian, ulasan, meta-analisis, meta-sintesis, buku, siri buku, tajuk dalam buku dan persidangan. Bagi *Google Scholar*, carian telah menemui 7,830 dapatan yang disusun mengikut yang paling relevan. Oleh kerana dapatan ini banyak, hanya 200 dapatan pertama sahaja yang dipilih kerana dapatan ini paling relevan dengan tajuk kajian. Cara ini digunakan kerana dapatan yang sangat banyak dan *Google Scholar* tiada mempunyai bentuk isihan yang bersistematis.

Saringan

Kemudian, dapatan ini diisih berdasarkan kepada persoalan kajian supaya memperoleh hasil yang relevan untuk dianalisis. Sebanyak tiga kriteria tapisan yang telah digunakan. Pertama, artikel 10 tahun kebelakangan iaitu antara 2010 hingga 2020. Menurut Higgins et al. (2019), sekatan penerbitan garis masa harus diaktifkan hanya jika diketahui bahawa kajian yang berkaitan hanya dapat dilaporkan dalam jangka waktu tertentu. Artikel yang melebihi 10 tahun dianggap tidak lagi sesuai untuk dipertimbangkan kerana perubahan teknologi komunikasi terlalu pantas. Kedua, kajian dibuat di Malaysia dan respondennya dalam kalangan penduduk Malaysia kerana kajian ini menumpukan kepada pola penggunaan di Malaysia. Ketiga, bidang kajian yang dipilih ialah bidang sains sosial, dan bidang sastera & kemanusiaan kerana keduanya merupakan bidang yang berkait dengan penggunaan media sosial. Jadual 2 adalah ringkasan kriteria penerimaan dan penolakan artikel.

Jadual 2. Kriteria Penerimaan dan Penolakan

| Bil | Kriteria | Penerimaan | Penolakan |
|-----|-------------|---------------------------------------|--|
| 1. | Tempoh masa | 2010 - 2020 | < 2010 ke bawah |
| 2. | Kawasan | Malaysia | Luar Malaysia |
| 3. | Bidang | Sains Sosial; Sastera dan kemanusiaan | Selain Sains Sosial; Sastera dan kemanusiaan |
| 4 | Jenis | Jurnal dan persidangan | Bukan Jurnal dan persidangan |

Berdasarkan kepada kriteria penerimaan, sebanyak 20 artikel yang diperoleh dari WOS dan 233 diperoleh dari Scopus. Kemudian, dapatan dari kedua pangkalan data ini digabungkan dengan dapatan dari *Google Scholar* dan diisih artikel yang bertindan. Akhirnya, sebanyak 311 dapatan berjaya ditapis.

Kelayakan

Kelayakan adalah proses memilih artikel secara manual yang sesuai dengan permasalahan kajian iaitu penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas. Di Malaysia, umur warga emas mestilah berusia 60 tahun dan ke atas. Jenis artikel yang dipilih pula mestilah bersifat empirikal sama ada kualitatif mahupun kuantitatif. Hasil dari proses ini, hanya tiga artikel sahaja yang menepati kriteria yang ditetapkan berjaya ditemui dalam pangkalan data Scopus dan WOS. Seterusnya carian dibuat dari *Google Scholar* dan menemui tiga lagi artikel.

Rangkuman


Hasil dari gabungan artikel yang layak disorot dari tiga pangkalan data, sebanyak enam artikel yang diperoleh. Satu darinya bersifat kuantitatif dan empat pula bersifat kualitatif, manakala satu lagi menggunakan kaedah campuran (*mix-metode*). Dua tema utama yang disorot ialah pola penggunaan media sosial dan keperluan dan tujuan penggunaan. Secara keseluruhannya, sebanyak enam artikel yang terpilih untuk disoroti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Senarai artikel yang layak untuk sorotan

| Bil | Pengarang | Data | Tajuk | Sampel | Kaedah |
|-----|--|--------------|---|--|--|
| 1. | Nurfazlina Haris, Natrah Abdullah, Rogayah Abdul Majid, Roziana Osman (2014) | Scopus & WOS | The Role of Social Media in Supporting Elderly Quality Daily Life | 3 orang berusia 55-70 tahun. Mempunyai latar belakang pendidikan yang baik | Kualitatif: Pemerhatian, Analisis data, Temu bual, <i>Netnography method</i> |
| 2. | Muhammad Zaiamri Zainal Abidin, Amira Sariyati Firdaus (2016) | Scopus | Cabarannya dan pengadaptasiannya warga emas dalam persekitaran jaringan digital | 12 orang (Umur lingkungan 60-70 tahun) | Kualitatif: Temubual mendalam dan pemerhatian. |
| 3. | Vithya Subramaniam, Norizan Abdul Razak (2014) | Scopus | Examining Language usage and Patterns in Online Conversation: Communication Gap Among Generastion Y and Baby Boomers. | 8 informan tetapi tidak menyatakan jumlah dari Gen Y dan Baby Boomers. | Kualitatif: Analisis kandungan |

| | | | | | | |
|----|--|----------------|---|--|--------------------------------|--------------------|
| 4. | Chan Eang Teng, Tang Mui Joo (2017) | Google Scholar | Analyzing the Usage of Social Media: A Study on Elderly in Malaysia | 200 responden (lingkungan umur 45-80 tahun) | <i>Mixed (Survey temubual)</i> | <i>methods</i> dan |
| 5. | Azri, Adilah Yusof, Noor Fadhiha Mokhtar, Kalsitinoor (2019) | Google Scholar | Cost, Security and Features Influencing Baby Boomers Behavioral Intention on Adopting WhatsApp Application. | 32 orang yang berumur 53-71 tahun | Kualitatif, Temubual | |
| 6. | Seong-Chong Toh, Chiew Chi Khor (2012) | Google Scholar | Patterns of Facebook usage among baby boomers, generation X and generation Y in Malaysia. | 30 dari kalangan warga emas, generasi X dan generasi Y | Kuantitatif – Soal selidik | |

Rajah 1 menjelaskan ringkasan proses pengenalpastian sumber, saringan, kelayakan, dan rangkuman berdasarkan kepada carta alir PRISMA yang diadaptasi berdasarkan Moher et al. (2009).



Sumber: Diadaptasi berdasarkan Moher et al. (2009) dan Hayrol Azril et al. (2018).

Rajah 1. Carta alir PRISMA

Dapatan

Pola penggunaan media sosial

Berdasarkan kepada carian dalam pangkalan data yang terpilih, kajian penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas hanyalah dalam penggunaan Facebook dan WhatsApp. Kajian penggunaan Facebook telah dijalankan oleh Teng & Joo (2017) secara kaedah campuran (*mixed methods*) terhadap 200 responden dalam kalangan netizen yang berusia 45-80 tahun. Kajian ini mendapati pengguna Facebook lebih tinggi berbanding dengan penggunaan Snapchat dan Twitter kerana medium Facebook merupakan medium yang popular untuk berkomunikasi dengan rakan pada bila-bila masa tanpa mengira tempat. Kajian ini juga mendapati seramai 63% responden menjadikan media sosial sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka bagi mendapat kepuasan hidup, manakala keluarga merupakan faktor utama bagi mereka dalam menggunakan media sosial, kemudian rakan-rakan, minat sendiri, perniagaan dan media. Selain itu, mereka didapati selalu berkongsi maklumat yang dirasakan penting seperti resipi, pengetahuan tentang perubatan dan lain-lain. Sungguhpun demikian, penggunaan media sosial dalam kalangan mereka lebih banyak bertujuan untuk komunikasi, berbanding untuk tujuan maklumat.

Toh & Khor (2012) pula mengkaji penggunaan Facebook terhadap 3 kelompok iaitu warga emas, generasi X dan generasi Y. Seramai 30 responden yang dipilih secara rawak dari setiap kelompok. Kajian mendapati warga emas dan generasi Y menggunakan Facebook sebagai medium untuk mencari dan berkongsi maklumat, berbanding dengan generasi X. Ketiga-tiga kelompok ini menggunakan media sosial dalam tempoh masa yang berbeza. Namun, warga emas suka mencari dan berkongsi maklumat, berhubung dengan rakan menerusi media dan gemar mencari kawan lama yang telah terputus hubungan.

Dalam kajian kualitatif pula, Nurfazlina et al. (2014) mendapati penggunaan Facebook boleh menjadi sokongan sosial kepada warga emas untuk berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan. Latar belakang tiga orang informan yang ditemubual terdiri dari golongan yang berpendidikan tinggi mungkin menjadi faktor yang membantu mereka biasa menggunakan aplikasi Facebook. Selain itu, warga emas juga menggunakan Facebook untuk menambah pengetahuan tentang agama dan meningkatkan spiritual serta mengisi masa lapang. Azri et al. (2019) dalam kajiannya terhadap 32 orang informan temubual yang diambil dari 4 zon, mendapati warga emas menggunakan aplikasi WhatsApp dalam urusan sehari-hari mereka kerana ia adalah aplikasi yang mudah untuk digunakan seperti Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Dalam kajian yang hampir sama tentang penggunaan media sosial, Teng & Joo, (2017) mendapati aplikasi yang paling popular digunakan oleh warga emas di Malaysia ialah Facebook. Ada juga yang menggunakan Wechat dan Instagram, tetapi boleh dikatakan tiada yang menggunakan Twitter dan Snapchat.

Berdasarkan analisis terhadap kajian lepas, kajian tersebut masih lagi terhad untuk membuat gambaran menyeluruh tentang penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas. Manakala daripada sudut keterkinian pula, empat daripada lima kajian tersebut merupakan tulisan yang terkini dengan satu daripadanya ialah tulisan pada tahun 2012.

Keperluan dan tujuan penggunaan media sosial

Terdapat kajian secara kualitatif dan kuantitatif dalam keperluan penggunaan media sosial. Kajian kualitatif dijalankan oleh Nurfazlina et al. (2014) berkaitan kualiti hidup warga emas dalam penggunaan Facebook. Kajian tertumpu pada tujuh aspek; iaitu mengekalkan hubungan dengan

keluarga, membolehkan peningkatan emosi yang baik kerana dapat berhubung dengan rakan, meningkatkan tahap kerohanian dan spiritual seseorang, kebebasan, mengisi masa lapang dengan mengikuti aktiviti dalam komuniti, kestabilan taraf hidup dan kewangan dan juga aspek kesihatan. Kajian yang dilakukan terhadap tiga informan ini mendapat penggunaan Facebook dapat membantu meningkatkan kualiti hidup dalam tujuh aspek di atas. Dengan ini, Facebook merupakan suatu keperluan bagi seseorang warga emas kerana ia boleh menghilangkan rasa kesunyian menerusi cara berhubung dan bergurau bersama keluarga dan keep in touch bersama rakan-rakan.

Umumnya, tujuan penggunaan media sosial untuk berkomunikasi secara efektif dan pantas. Azri et al. (2019) dan Subramanian & Norizan, (2014) mendapat kepelbagaiannya inovasi media baharu membolehkan pengguna khususnya warga emas berinteraksi dengan mudah tanpa perlu bersemuka. Terdapat dua kategori motif dalam menggunakan media baharu iaitu motif komunikasi dan motif maklumat. Bagi motif komunikasi, terdapat perkara utama dalam penggunaan media baharu iaitu untuk berhubung dengan keluarga, berhubung dengan rakan termasuklah mencari kenalan baharu. Menurut Teng & Joo (2017), penggunaan media baharu membolehkan warga emas mengikuti aktiviti yang bermanfaat, di samping mencari kenalan baru, mengisi masa lapang, mengetahui sesuatu perkara, maklumat terbaru.

Menurut Toh & Khor (2011) pula, kewujudan media ini juga merupakan peluang kepada warga emas menghubungi semula rakan yang telah lama terputus hubungan. Namun kebanyakannya warga emas di Malaysia menggunakan media sosial untuk berhubung dengan keluarga (Azri et al., 2019) dan kemudiannya berhubung dengan rakan-rakan (Teng & Joo, 2017). Bagi motif maklumat pula, media baharu boleh digunakan oleh warga emas untuk berkongsi maklumat yang dirasakan penting seperti berkongsi pelbagai resipi masakan, maklumat kesihatan dan politik (Muhammad Zaiamri & Amira, 2016). Teng & Joo, (2017) mendapat 53% warga emas menggunakan media sosial bagi mengetahui maklumat yang baharu.

Perbincangan

Pola penggunaan media sosial

Secara umumnya, kajian pola penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia masih lagi terhad. Kajian yang sedia ada ialah kajian kualitatif tentang penggunaan Facebook (Nurfazlina et al., 2014); kehidupan warga emas di bandar dalam persekitaran teknologi (Muhammad Zaiamri & Amira, 2016) dan penggunaan WhatsApp (Azri et al., 2019). Manakala kajian secara kuantitatif dijalankan tentang penggunaan Facebook oleh Toh & Khor (2012) tetapi responden hanyalah 30 orang sahaja. Teng & Joo (2017) pula membuat kajian terhadap 200 responden dalam penggunaan media sosial, tetapi kajian ini tidak boleh dianggap kajian terhadap warga emas kerana respondennya meliputi netizen yang berusia 45 tahun. Dari sini didapati bahawa kajian tentang penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia masih lagi sedikit. Sebaliknya kajian terhadap warga emas di luar negara cukup banyak seperti di Sweden, China (Litwin & Stoeckel, 2015) dan Amerika (Yu et al., 2016).

Kekurangan kajian ini di Malaysia mungkin kerana kurang penekanan terhadap penjagaan kebijakan terhadap warga emas yang terdedah dengan pelbagai masalah psikologi apabila berada di penghujung usia. Dalam kajian terhadap pelan pembangunan Malaysia untuk warga emas dari Rancangan Malaysia ke-1 (RMK1) hingga RMK11, Nur Amalina & Yarina, (2019)

mencadangkan supaya Malaysia mengemaskini dan mengukuhkan lagi polisi yang sedia ada dengan menambah keberkesanan program dan usaha kepada warga emas khususnya untuk menjadi negara orang tua menjelang 2030. Menurut Nur Amalina & Yarina, (2019), perhatian kerajaan Malaysia terhadap warga emas nampaknya tidak begitu serius jika dibandingkan dengan negara maju yang memberikan tumpuan yang sebaiknya terhadap mereka.

Sungguhpun kajian tidak meluas di Malaysia, data dari MCMC pada 2018 mendedahkan penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas berusia 60 tahun meningkat sebanyak 20%. Sarwat Iqbal et al. (2016) pula mendapati peningkatan sebanyak 150% warga emas menggunakan media sosial dari tahun 2009-2011. Ini menandakan penggunaan dalam kalangan mereka mendapat tempat yang baik, cuma kajian tentang pola penggunaan dalam kalangan mereka kurang diberikan tumpuan. Lima tahun yang lalu, penggunaan media sosial dalam kalangan mereka banyak dibantu oleh anak dan cucu (Teng & Joo, 2017), tetapi pada masa akan datang penggunaan ini dijangka menjadi norma baharu.

Dari sudut masa yang digunakan oleh warga emas untuk media sosial (MCMC, 2018), individu berumur 60 tahun menggunakan media sosial dalam tempoh yang sekejap, dengan hanya 3.7 jam sehari. Tempoh penggunaan media sosial ini berbeza dengan generasi lain. Pengguna yang berusia 20-an menggunakan media sosial adalah sehingga 8 jam sehari. Manakala pengguna berusia 40-an pula meluangkan masa sebanyak 5.9 jam sehari, berbeza dengan pengguna yang berusia 50 tahun menggunakan masanya 4.5 jam sehari.

Keperluan dan tujuan penggunaan media sosial

Media sosial dapat memenuhi keperluan untuk berhubung dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat. Hubungan dengan anak dan ahli keluarga perlu didekatkan khususnya yang tinggal berjauhan. Namun, ada kajian yang menyatakan bahawa hubungan yang dibina menerusi media sosial ini tidak kukuh (*fragile*) (Venter, 2017) kerana ia hanyalah hubungan maya. Walau bagaimanapun, hubungan dengan ahli keluarga melibatkan hubungan darah. Sungguhpun hubungan maya ini mungkin ada kelebihannya, ia boleh membantu walaupun sedikit. Nik Norliati & Suriati, (2016) mendapati bahawa warga emas boleh mendapat sokongan 100% dari keluarga walaupun tinggal berjauhan dengan anak-anak. Dalam satu kajian di Amerika, media sosial dapat mengurangkan rasa sunyi dalam diri warga emas (Yu et al., 2016). Ini menjadikan warga emas itu tidak berasa terasing meskipun mereka hidup berjauhan dengan keluarga kerana media sosial membolehkan mereka berhubung antara satu sama lain.

Terdapat juga keperluan bagi warga emas untuk menjalin hubungan sosial yang baik dengan rakan-rakan (Yu et al., 2016) yang boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup kerana mereka boleh mengimbau kenangan masa silam. Mereka boleh menggunakan media sosial untuk berhubung termasuklah untuk mengetahui aktiviti kemasyarakatan dan kematian (Nurfazlina et al., 2014). Maklumat berkaitan dengan aktiviti dan program sebegini mudah disebarluaskan menerusi aplikasi media sosial. Selain itu, bagi yang ada latar belakang yang baik dari sudut pendidikan mungkin ada kecenderungan untuk berinteraksi dengan maklumat tetapi tidak ramai (Teng & Joo, 2017) kerana ia memerlukan kepada minat, tumpuan dan masa. Namun, maklumat boleh bahan untuk mereka berkomunikasi.

Kajian akan datang

Bimbingan penggunaan media sosial

Kajian akan datang boleh menumpukan kepada cara membimbang warga emas menggunakan media sosial dengan lebih berkesan sebagai sokongan sosial. Buat masa ini, mereka lebih banyak bergantung kepada media tradisional tetapi sedikit demi sedikit penggunaan media sosial dalam kalangan mereka semakin meningkat (Ma et al., 2015). Ketika Gen Y menjadi warga emas dalam tempoh 10 tahun akan datang, penggunaan media sosial dan hidup dalam jaringan menjadi normalisasi. Menurut Oh & Syn (2015), penggunaan media sosial ini boleh dibimbang dengan cara memberi motivasi cara untuk berkongsi sesuatu info dan mendapat sokongan sosial melalui media ini.

Perbezaan jantina dalam penggunaan media sosial merupakan pemboleh ubah yang signifikan. Menurut Konig et al., (2018) dalam kajian terhadap warga emas di Eropah, penggunaan media sosial berbeza mengikut jantina, iaitu kaum lelaki lebih tinggi berbanding dengan kaum perempuan. Namun, analisis yang dikeluarkan oleh US Health Retirement Study mendapati bahawa kaum wanita lebih ramai yang menggunakan media sosial walaupun terdapat jurang antara umur (Yu et al., 2016). Justeru, kajian akan datang perlu mengambil kira pemboleh ubah ini kerana wanita lebih banyak menguruskan hal rumah tangga berbanding lelaki. Selain itu, jangkauan hubungan sosial secara luar talian (offline) pula, lelaki mempunyai kelebihan berbanding wanita termasuklah mengambil berat dalam perkembangan politik dan isu semasa.

Penggunaan media sosial dalam mengatasi kesunyian.

Dalam artikel sorotan bersistematik, Yu et al. (2020) menyimpulkan bahawa tiada suatu kesimpulan yang tuntas tentang penggunaan media sosial dapat mengurangkan perasaan kesunyian kerana ia bergantung kepada cara dan motif dalam menggunakan media sosial. Menurut Nurfazlina et al. (2014), penggunaan media sosial dengan cara yang betul dapat menyelesaikan masalah kesunyian. Ia mungkin boleh mengatasi masalah yang seringkali menyebabkan mereka mendapat kesunyian seperti hilang tempat bergantung apabila ketiadaan suami, masalah kewangan dan taraf pendidikan yang lemah (Abdul Rashid & Ibrahim, 2015). Kajian akan datang boleh menumpukan kepada cara untuk membantu meringankan masalah empty nest dan meningkat sokongan sosial menerusi media sosial.

Kuliah agama online menghilangkan kesunyian

Media sosial menyediakan medium pengajian agama secara atas talian yang boleh diikuti tanpa terikat dengan masa dan tempat yang tertentu. Terdapat kajian yang menjelaskan cara dan juga kaedah guru agama menggunakan medium maya bagi menyampaikan kuliah supaya objektif yang dirancang tercapai (Rosninawati et al., 2019; Ismail, 2017). Kaedah yang digunakan adalah dengan cara merekod, kemudian menyiaran ceramah ataupun kuliah tersebut di YouTube, selain dari membuat Live di Facebook dan Instagram. Kuliah maya ini mempunyai tarikannya yang tersendiri tetapi kajian yang boleh diterokai ialah hubungan antara tontonan dengan sokongan sosial.

Kesimpulan

Warga emas merupakan golongan yang turut terkesan dengan kepesatan teknologi media baharu. Kewujudan mereka sebagai generasi baby boomers menyebabkan mereka kerap terpinggir daripada penggunaan media sosial yang lebih mesra dengan generasi Y dan Z. Lebih-lebih lagi wujud senario penghijrahan golongan muda ke bandar mengakibatkan warga emas kerap mengalami simptom kesunyian. Faktor hidup berjauhan dengan anak-anak serta keluarga menyebabkan mereka memerlukan sokongan sosial bagi menguatkan emosi dan spiritual mereka. Penggunaan media sosial yang semakin meningkat dalam kalangan warga emas diharapkan boleh membantu mengatasi kadar kesunyian dan meningkatkan sokongan moral. Namun, kajian tentang penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas di Malaysia masih lagi terhad. Oleh itu, kajian mengenai pola penggunaan media sosial dalam kalangan warga emas perlu diteliti dengan lebih mendalam khususnya untuk mencari sokongan sosial bagi mengatasi masalah kesunyian.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil penyelidikan daripada geran Cabaran Perdana DCP-2017-013/3.

Rujukan

- Abidin, M. Z. Z., & Firdaus, A. S. (2016). Cabaran dan pengadaptasian warga emas dalam persekitaran jaringan digital. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 581–606.
- Aziz, N. A., & Ahmad, Y (2019). The evolution of government's attention towards older person: a Critical review of Malaysia 5 years plan. *Ageing International*, 44(4), 319-330.
- Chopik, W. J. (2016). The benefits of social technology use among older adults are mediated by reduced loneliness. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 19(9), 551-556.
- Darimi, I. (2017). Teknologi informasi dan komunikasi sebagai media pembelajaran pendidikan agama Islam efektif. *Jurnal Pendidikan Teknologi Informasi*, 1(2), 111-121.
- Friemel, T. N. (2016). The digital divide has grown old: determinants of a digital divide among seniors. *New Media and Society*, 18(2), 313–331.
- Galperin, H., & Viecens, F. M. (2017). Connected for development? theory and evidence about the impact of Internet technologies on poverty alleviation. *Development Policy Review*, 35(3), 315–336.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N.R. (2019). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*, 1-37.
- Haddaway, N. R., Collins, A. M., Coughlin, D., & Kirk, S. (2015). The role of Google Scholar in evidence reviews and its applicability to grey literature searching. *PloS one*, 10(9), 1-17.
- Haris, N., Majid, R. A., Abdullah, N., & Osman, R. (2014, September). The role of social media in supporting elderly quality daily life. In *2014 3rd International Conference on User Science and Engineering (i-USER)* (pp. 253-257). IEEE.
- Hassan, H., Mohamed, N., & Rasol, Z. (2013). Perasaan ‘loneliness’ @ Kesunyian dan strategi daya tindak dalam kalangan penghuni warga emas di Rumah Seri Kenangan Cheras. *Journal of Human Development and Communication*, 2, 89-103.

- Higgins, J. P., Thomas, J., Chandler, J., Cumpston, M., Li, T., Page, M. J., & Welch, V. A. (Eds.). (2019). *Cochrane handbook for systematic reviews of interventions*. New Jersey, US: John Wiley & Sons.
- Hunsaker, A., & Hargittai, E. (2018). A review of internet use among older adults. *New Media and Society*, 20(10), 3937-3954.
- Hussin, R. A., Rahman, S. H., Yusoff, S. H., Sabran, R., & Hassan, F. (2019). Barakah ilmu melalui penggunaan teknologi komunikasi Ipad dan keberkesanannya. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2), 131-144.
- Iqbal, S., Ahsan, K., Hussain, M. A., & Nadeem, A. (2016). Social media as assistive technology for elderly. *Journal of Basic and Applied Science*, 12, 211-212.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). Dasar warga emas negara. Retrieved from www.jkm.gov.my
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2017). Sindrom empty nest di kalangan warga emas. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/sindrom-empty-nest/>
- Kementerian Pembangunan Wanita & Masyarakat. (2015). Perkhidmatan Warga Emas. Retrieved from [jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)
- Konig, R., Seifert, A., & Doh, M. (2018). Internet use among older Europeans: An analysis based on SHARE data. *Universal Access in the Information Society*, 17(3), 621-633.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2015). Laporan Tahunan. Retrieved from https://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-04-23-06-10-37/laporan-tahunan/8_43-lapo_ran-tahunan-lppkn-2015/file
- Litwin, H., & Stoeckel, K. J. (2015). Social Network, Activity Participation, and Cognition: A Complex Relationship. *Research on Ageing*, 38(1), 76-97.
- Ma, Q., Chen, K., Chan, A.H.S., & Teh, P.L. (2015). Acceptance of ICTs by older adults: A review of recent studies. *Human Aspects of IT for the Aged Population*, 239-249.
- Maideen S. F. K, Sidik, S. M., Rampal, L., & Mukhtar F. (2014). Prevalence, associated factors and predictors of depression among adults in the community of Selangor, Malaysia. *PLoS ONE*, 9(4), 1-14.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). (2018). *Internet Users Survey*. Kuala Lumpur: MCMC.
- Martin-Martin, A., Orduna-Malea, E., & Lopez-Cozar, D.E. (2018). Coverage of highly-cited documents in Google Scholar, Web of Science, and Scopus: A multidisciplinary comparison. *Scientometrics*, 116, 2175-2188.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, A., & Altman, D. G. (2009). Group preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *BMJ* 6(7), 1-7.
- Nef, T., Ganea, R. L., Muri, R. M., & Mosimann, U. P. (2013). Social networking sites and older users - A systematic review. *International Psychogeriatrics*, 25(7), 1041-1053.
- Nor, N. N. F. M., & Ghazali, S. (2016). Loneliness and its impacts to the health of elderly in rural Pahang. *International Journal of Environment, Society and Space*, 4(1), 29-37.
- Oh, S., & Syn, S. Y. (2015). Motivation for sharing information and social support in social media: A comparative analysis of Facebook, Twitter, Delicious, YouTube, and Flickr. *Journal of The Association for Information Science and Technology*, 66(10), 2014-2060.
- Okoli, C. (2015). A guide to conducting standalone Systematic Literature Review. *Communication of the Association for Information Systems*, 37(43), 879-910.

- Orduna-Malea, E., Martin-Martin, A., Harzing, A.W., & López-Cózar, E.D. (2017). Can we use Google Scholar to identify highly-cited documents? *Journal of Infometrics*, 11(1), 152-163.
- Rashid, A., & Tahir, I. (2015). The prevalence and predictors of severe depression among the elderly in Malaysia. *Journal of Cross-Cultural Gerontology*, 30(1), 1-30.
- Shaffril, H. A. M., Krauss, S. E., & Samsuddin, S. F. (2018). A systematic review on Asian's farmers' adaptation practices towards climate change. *Science of The Total Environment*, 644, 683-695.
- Subramaniam, V., & Razak, N. A. (2014). Examining language usage and patterns in online conversation: Communication gap among generation Y and baby boomers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 118, 468-474.
- Teng, C. E., & Joo, T. M. (2017). Analyzing the usage of social media: A Study on elderly in Malaysia. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Humanities and Social Sciences*, 11(3), 707-713.
- Toh, S. C., & Khor, C. C. (2012). Patterns of Facebook usage among baby boomers, generation X and generation Y in Malaysia. World Conference of Information Technology. Pulau Pinang: Center For Instructional Technology and Multimedia, Universiti Sains Malaysia.
- Venter, E. (2017). Bridging the communication gap between generation Y and the baby boomer generation. *International Journal of Adolescence and Youth*, 22(4), 497-507.
- Younger, P. (2010). Internet-based information-seeking behaviour amongst doctors and nurses: A short review of the literature. *Health Information & Libraries Journal*, 27(1), 2-10.
- Yu, K., Wu, S., & Chi, I. (2020). Internet use and loneliness of older adults over time: The mediating effect of social contact. *The Journals of Gerontology: Series B*, 76(3), 541-550. <https://doi.org/10.1093/geronb/gbaa004>
- Yu, R. P., Mccamon, R. J., Ellison, N.B., & Langa, K.M. (2016). The relationships that matter: Social network site use and social wellbeing among older adults in the Amerika of America. *Ageing and Society*, 36(9), 1826-1852.
- Yusof, A. A., Mokhtar, N. F., & Set, K. (2019). Cost, security and featured influencing baby boomers behavioral intention on adopting WhatsApp application. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 4(18), 67-77.
- Zakaria, S. M., Alavi, K., & Subhi, N. (2013). Risiko kesunyian dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 1(1), 49-56.